

## Laporan Kajian Warisan Orang Kuala: Kajian Kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor

YUSZAIDY MOHD YUSOFF, MOHAMAD NAZRI AHMAD  
dan MOHAMED ANWAR OMAR DIN

### ABSTRAK

Laporan ini adalah hasil kajian kes di pertempatan Orang Kuala di daerah Batu Pahat dan Pontian, Johor. Aspek-aspek yang dikaji ialah latar belakang umum, asas jati diri, ciri pertempatan dan seni persembahan suku-masyarakat berkenaan. Sebahagian besar data adalah dikutip secara langsung melalui temu ramah intensif dengan pemimpin pendapat masyarakat berkenaan di pertempatan-pertempatan tersebut. Didapati Orang Kuala adalah sebahagian daripada Orang Laut dari suku-masyarakat Orang Duano. Walaupun pihak kerajaan mengkategorikan mereka sebagai Orang Asli namun mereka menganggap mereka adalah suku-masyarakat Melayu. Cara hidup yang mereka amalkan telah mengalami perubahan masa namun warisan teras mereka iaitu penganutan agama Islam, bahasa dan budaya mereka masih berkekalan sehingga kini. Warisan itulah menjadikan mereka mempunyai jati diri tersendiri yang mirip kepada sifat kemelayuan dan membezakan mereka daripada Orang Laut lain dan Orang Asli.

Kata kunci: Orang Duano, Warisan, Pertempatan, Tarian Dangkung dan Perubahan

### ABSTRACT

This research report is an outcome of case studies at *Orang Kuala* settlements in Batu Pahat and Pontian, Johor. Aspects that have been studied are their historical background, essential elements that constituted their identity, their settlement's environment and their cultural-arts. The major part of the data has been collected directly from their group opinion leaders through intensive interviews. The data prevail that most *Orang Laut* are from the *Orang Duano* tribe. Although the government has categorized them officially as *Orang Asli*, they insist to perceive themselves as one of the Malay tribes. The way of their livings have undergone changes by the course of times but the core elements of their identity, namely, the profession of Islam, Malay language and cultural heritages, are still persisted till today. It has been those elements that constitute them as a unique, distinctive identity which are similar to the Malayness, and differentiate them from other *Orang Laut* and the *Orang Asli*.

Key Words: Orang Duano, heritage, settlement, *Dangkung Dance* and changes.

## Pengenalan

Orang Kuala adalah sebahagian daripada Orang Laut dari kelompok suku-masyarakat Orang Duano. Di Indonesia mereka disebut Desin Dolaq atau Desin Duano (Collings 1949). “Desin Dolaq” adalah loghat di kalangan mereka yang bermaksud orang laut (Collings 1949). “Orang Laut” adalah istilah umum yang merangkumi pelbagai jenis suku-masyarakat yang mendiami persisiran pantai dan pulau-pulau luar persisir di selatan Semenanjung Malaysia, timur Pulau Sumatera serta pulau-pulau dan muara sungai di Kepulauan Riau-Lingga, Kepulauan Batam, Pulau Tujuh dan Pulau Singapura.

Di Malaysia, Orang Duano disebut Orang Kuala kerana lokasi pertematan mereka adalah di kuala sungai dan persisiran pantai berhampiran sungai. Pada masa lalu pertematan mereka bertaburan di merata tempat di pantai kedua-dua belah Selat Melaka, termasuk Kepulauan Riau. Antara pertematan-pertematan awal mereka di Malaysia ialah di dua buah kampung berdekatan Rengit, Pulau Sialu (di muara Sungai Batu Pahat), Tanjung Toho (berdekatan Muar), Pontian Besar (berasal dari Tampok) (Barnouw 1946).

Dalam wilayah geo-politiko Indonesia, pertematan mereka adalah di sepanjang tenggara pantai Sumatera antara muara Sungai Kampar dan delta Batang Hari. Ini meliputi Concong Luar (Kuala Langan), Djamih, Indragiri River, Istira, Kuala Batang Hari, Kuala Batang Tuato, Kuala Indragiri, Kuala Kampar, Kuala Kateman, Kuala Retih, Kuala Tungkal, Pasang Api, Perigi Radja, Pulau Bangkong, Pulau Basu, Pulau Bengkalis, Pulau Burung, Pulau Kundur, Pulau Mendulang, Pulau Tandjung Batu (Pulau Kundur), Sungai Indragiri, Sungai Kampar, Sungai Punai, Sungai Retih, Sungai Tungkal, Tanjung Datu dan Tanjung Mendol (berhampiran kuala Kampar). Pertematan utama mereka adalah di Kuala Kateman dan Pulau Bengkalis (Engelhardt 1977).

Pada zaman lampau mereka tinggal di dalam sejenis rumah perahu yang dipanggil “sampan panjang.” Dalam geografi tersebut, mereka

menjadi sebahagian daripada “penduduk akuatik” (aquatic populations)<sup>1</sup> kerana lebih terikat kepada kelautan. Mereka sering berpindah dari sebuah tempat ke tempat lain atau disebut hidup secara normad.

Dalam konteks Malaysia, walaupun mereka merupakan sebahagian daripada Orang Laut namun kerajaan Malaysia mengkategorikan mereka sebagai Orang Asli. Ini kerana demi kepentingan memenuhi kehendak *Akta 134* yang memberi pelbagai keistimewaan suku-masyarakat yang dikategorikan sebagai Orang Asli. Kategori tersebut juga adalah untuk tujuan pentadbiran dan memudahkan urusan pembangunan mereka. Fasal 2 dalam *Akta* tersebut mengkelompokkan kesemua Orang Asli di Malaysia hanya ke dalam tiga kategori iaitu kaum kepada Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Di antara kategori-kategori ini, hanya Melayu-Proto yang sesuai dimasukkan Orang Laut. Sehubungan itu, daripada segi ras, mereka seolah-olah telah “dijadikan” salah satu daripada 19 suku-masyarakat Orang Asli dalam kelompok Melayu Proto (Austroasia). Berdasarkan dokumen perundangan ini, mereka berada di bawah pengawasan Jabatan Hal-Elwal Orang Asli (JHEOA).

Sebagaimana akan dijelaskan, Orang Kuala tidak senang hati dikategorikan sebagai Orang Asli. Menurut mereka, ada beberapa faktor kenapa mereka enggan dikategorikan begitu. Pertama, mereka beragama Islam, sedangkan Orang Asli tidak. Malah, mereka menuntut, sebagai orang Islam mereka sepatutnya dianggap sebangsa dengan orang Melayu. Kedua, Orang Asli makan babi dan membela anjing, sedang mereka tidak.

Pada tahun 1971 dianggarkan jumlah penduduk mereka di Malaysia adalah seramai 2,500 orang (Bancian Penduduk 1972). Pada tahun 2007, dianggarkan jumlah mereka adalah 4,067 orang (Bancian Penduduk 2008). Secara keseluruhannya mereka beragama Islam. Mereka menggunakan Duano apabila bercakap sesama mereka. Pola petempatan mereka adalah dalam bentuk kelompok kecil yang berselerak berdasar suku atau kumpulan ahli keluarga mereka. Walau bagaimanapun, selepas

<sup>1</sup> Due to the evolution of their ways of life, it is no longer possible to group all these people under a common designation of “sea nomads ;” even those who still follow their ancestral life style—such as the Orang Seletar who are treated further in the present article, and whose habitat is the marshy mangrove of a river delta—could hardly be termed “maritime ;” this is why I refer using the term “aquatic,” introduced in 1971 by the Paris-based Center for research on ethno-technology in aquatic milieus and taken up by L. Andaya in his contribution on “Historical links between aquatic populations and the coastal peoples of the Malay world and Celebes,” in Muhammad Abu Bakar et al., *Historia : Essays in commemoration of the 25th anniversary of the Department of History, University of Malaya*. Malaysian Historical Society, Kuala Lumpur, 1984, pp. 34-51.

merdeka, khususnya sejak tahun 1967, mereka ditempatkan di kawasan perkampungan terancang yang disediakan oleh pihak kerajaan di bawah tanggungjawab dan diurus oleh pihak Jabatan Hal-Elwal Orang Asli (Pelras 2002). Penempatan mereka utama terletak di daerah Batu Pahat (Kuala Rengit, Kuala Senggarang dan Tanjung Segenting) dan daerah Pontian (Kuala Benut, Kuala Sungai Pontian dan Kukup) di negeri Johor. Ini merupakan sebahagian rancangan pembangunan Malaysia secara amnya bersama suku-masyarakat lain, termasuk orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Kajian tentang Orang Laut yang melibatkan Orang Duano telah dilakukan oleh beberapa orang penyelidik sejak sebelum merdeka lagi. Antaranya, Collings (1949), Gibson-Hill (1952), Sopher, (1977), Sandbukt (1984), Pelras (2002), Hanapi Dollah (2003), Shaziani Mohamad Sidek (2005/2006) dan Gusni Saat (2004). Selain itu, sudah tersebut sejumlah laman internet berkait dengan suku-masyarakat tersebut seperti *Wikipedia* ([http://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Kuala](http://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Kuala)), [http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=MYP](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=MYP), <http://www.joshuaproject.net/>, <http://www.asiaharvest.org/pages/profiles/nonChina/Malaysia/Orang%20Kuala.pdf>, <http://www.keene.edu/library/OrangAsli/pelras.pdf>.

Pelbagai penerbitan ini memberi pelbagai aspek termasuk amalan kehidupan, sejarah, kepercayaan, bahasa, sosioekonomi dan budaya tentang suku-masyarakat tersebut. Makalah ini akan menambah lagi himpunan/korpus ilmu mengenai subjek ini. Ia mereka satu tinjauan lapangan awal di pertempatan Orang Kuala di daerah Batu Pahat an Pontian, Johor yang dilakukan pada pertengahan tahun 2008. Tujuannya adalah untuk menukili dan memberi gambaran umum tentang asas dan ciri-ciri warisan suku-masyarakat ini bagi dimembina asas penyelidikan lebih lanjut dengan mendalam. Dua daerah inilah pertempatan utama komuniti Orang Kuala di Malaysia pada hari ini. Data utama dikutip melalui observasi lapangan dan *intensive interviews* dengan pemimpin pendapat masyarakat berkenaan terutamanya Tok Latif Jidin (88 tahun), Ideris Bongsu (49 tahun) dan Osman Ali (58 tahun). Keterangan lanjut latar belakang diberikan dalam senarai Informan di bawah. Selain itu, beberapa fakta dalam makalah ini dipetik juga dari penyelidikan-penyeleidikan yang telah diterbitkan seperti Pelras (2002), Hanapi Dollah (2003), Mohd Tap bin Salleh (2005), Mohd Tap bin Salleh (2005), Gibson-Hill (1952a dan 1952b), Benjamin (2004), Collings (1949), Sopher (1977) dan Sandbukt (1984).

## Sejarah

Orang Kuala di daerah-daerah negeri Johor itu adalah sebahagian daripada Orang Laut dari suku-masyarakat Orang Duano. Tidak ada keterangan yang jelas tentang sejak bila dan dari mana tempat asal mereka. Keterangan yang diberikan oleh mereka, mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan masyarakat Orang Laut dari suku-masyarakat Orang Duano di tenggara pantai Sumatera dan Kepulauan Riau.

Walau bagaimanapun, apa yang jelas ialah mereka telah hadir di sekitar Selat Melaka jauh daripada penubuhan Kesultanan Melayu Melaka (Wolters 1967 dan 1979) dan Andaya (1974 dan 1975). Wolters (1967 dan 1979) yang melakukan penyelidikan tentang Srivijaya dan Andaya (1974 dan 1975) serta Muhammad Yusuff Hashim (1992) tentang Kerajaan Johor menegaskan bahawa peranan paling utama mereka dalam penubuhan kerajaan Melayu. Dalam *Sejarah Melayu* dan laporan Tome Pires (Cortesao ed. 1944) dicatatkan Orang Laut memain peranan amat penting sebagai pembantu raja Melayu menujuhkan Kesultanan Melayu Melaka dan menjadi benteng pelindung kerajaan Melayu daripada serangan oleh Siam dan kerajaan Melayu lain di pesisir pantai timur Sumatera.

Dalam laporan Tome Pires (Cortesao ed. 1944) juga dicatatkan mereka diberi kuasa oleh Raja Melayu untuk mengawal perdagangan di Kawasan Selat Melaka. Para pedagang perlu meminta kebenaran dan membayar cukai kepada mereka terlebih dahulu sebelum melalui Selat Melaka atau pelabuhan di sepanjang pesisir Selat Melaka (Andaya, 1987: 66 dan Muhammad Yusuff Hashim 1992). Mereka memiliki perwatakan yang berani, kuat, ganas dan hebat. Raja-raja Melayu menugaskan mereka sebagai pengawal dan anggota tentera untuk membuat rondaan dan mengawal laluan Selat Melaka. Ini kerana, selain daripada berani dan tangkas, mereka sentiasa patuh pada setiap perintah dan pembesar. Di atas kepercayaan itu juga mereka ditugaskan sebagai mata dan telinga raja Melayu. Mereka juga bertindak sebagai pengutus utusan raja.

Pada abad ke-17 dan ke-18, semasa berlaku perselisihan dalam istana Johor, mereka menjadi “pencipta raja” (king builder) (Andaya 1974). Mana-mana pemerintah yang tidak mendapat sokongan mereka akan jatuh dari takhta. Kes ini berlaku dalam peristiwa kejayaan Raja Kecil Siak merampas kuasa Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1720). Pada peringkat awal Raja Kecil Siak berjaya meyakinkan Orang Laut bahawa beliau adalah putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Tetapi selepas Orang Laut tidak berasa yakin lagi Raja Kecil Siak sebagai

putera Sultan Mahmud maka Raja Kecil Siak jatuh dari takhtanya. Malah, sehingga ke hari ini, menurut informasi yang diberikan oleh para informan, Orang Kuala boleh berjumpa Sultan Johor pada bila-bila masa sahaja.

### Asas Warisan

Selain daripada dicirikan oleh kehidupan kelautan, asas jati diri Orang Kuala (Orang Duano) ialah penganutan agama Islam, pandangan-dunia (*World-view*) kenusantaraan dan fizikal, berbahasa serta seni-budaya agak-agak mirip dengan Orang Melayu. Unsur-unsurlah ini yang membezakan mereka daripada Orang Laut lain dan Orang Asli di daratan. Banyak pihak terkeliru tentang asas jati diri Orang Kuala (Orang Duano) ini termasuk Jabatan Orang Asli Malaysia sendiri yang mengkategorikan mereka sebagai Orang Asli. Sebagaimana telah dinyatakan, pengkategorian begini tidak terima dengan senang hati oleh mereka.

Secara praktisnya warisan jati diri Orang Duano dapat teliti dengan membuat berbanding dengan dengan Orang Seletar dan Orang Asli (yang mendiami kawasan darat). Ketiga-tiga suku-masyarakat ini adalah berbeza daripada segi anutan agama, fizikal, *World-view*, bahasa, cara hidup, bahasa dan sejarah.

*World-view* Orang Seletar lebih terpaut ke kawasan paya dan perairan sekitar Singapura. Ini kerana tempat asal atau wilayah dominan mereka adalah di sekitar Selat Singapura dan pulau-pulau kecil di sekitar Singapura, terutamanya di persisir pantai utara pulau tersebut (Gibson-Hill 1952b). Mereka tidak mempunyai hubungan dengan suku-masyarakat Orang Laut lain di rantau ini. Malah, mereka tidak mempunyai nama lain selain “Seletar.” Dari satu sisi, ini dapat membayangkan mereka tidak mempunyai hubungan kekerabatan dengan suku-masyarakat lain. Dari sisi yang lain, ini dapat membayangkan *World-view* yang terbatas hanya di sekitar perairan Singapura. Naluri semula jadi (instinct) mereka juga tidak begitu terpaut untuk berasa sebagai salah satu suku-masyarakat Melayu (Gibson-Hill 1952a). Daripada segi perhubungan sosial, Orang Seletar lebih mesra berkawan dengan orang Cina (Pelras 2002). Malah, perkahwinan campur dengan orang Cina bukanlah sesuatu yang jarang berlaku. Daripada segi fizikal, Orang Duano mempunyai mirip orang Melayu

Orang Seletar tidak mempunyai sistem kepercayaan dan sejarah (lisan) yang kompleks berbanding dengan Orang Duano. Daripada segi kepercayaan, Orang Seletar masih mengamalkan paganism. Unsur-unsur yang dipercayai mereka ialah makhluk halus di laut dan keramat.

Unsur kepercayaan mereka yang paling tinggi ialah “Kubur Raja Perempuan.” Raja dipercayai seorang Raja Jawa yang memerintah Riau pada suatu zaman dahulu. Sejarah lisan Orang Seletar hanya mitos di sekitar perairan Singapura. Mereka tidak mempunyai sejarah berkait dengan kerajaan besar.

Wujud perbezaan dalam kaedah menangkap ikan. Sangat Orang Seletar pergi ke laut luas terbuka. Kawasan tempat tinggal utama mereka adalah di kawasan laut cetek di sekitar Selat Johor. Kawasan tersebut adalah sempit, berlumpur dan tenang. Oleh itu, cara penangkapan mereka adalah dengan memancing, menikam dengan kayu, menyerkap dengan serkap dan menjala. Mereka juga mengutip siput di dalam lumpur.

Walaupun terdapat unsur-unsur kemelayuan pada Orang Seletar namun sukar dikelompokkan sebagai orang Melayu. Ini kerana mereka tidak menganuti agama Islam. Kedudukan mereka daripada segi ini adalah seperti Orang Bapa-Nyonya yang begitu kental cara hidup kemelayuan namun tetap dianggap bukan-Melayu kerana tidak menganuti agama Islam.

Tidak dinafikan terdapat perkataan-perkataan Melayu dalam bahasa Orang Seletar hasil daripada peminjaman kata-kata Melayu. Ini berlaku kerana bahasa Melayu merupakan “alat peradaban” (vehicle of civilization) dan *lingua-franca* dalam komuniti di antara pelbagai suku-masyarakat dan bangsa dan perdagangan di rantau ini sejak zaman berzaman. Adalah amat sukar untuk berkomunikasi sekiranya mereka tidak menggunakan bahasa Melayu.

Orang Seletar dan Orang Asli masih mengamalkan paganisme, sebaliknya, Orang Duano menganuti agen Islam. *World-view* Orang Duano lebih luas dalam lingkungan Selat Melaka. *World-view* mereka lebih bersifat keNusantaraan, iaitu lebih meluaskan. Ini kerana sebaran di merata pulau dan persisir pantai di Alam Melayu.

Orang Duano sudah meninggalkan cara hidup yang diamalkan oleh Orang Duano itu sejak berkurni lamanya. Orang Duano menangkap ikan di laut Selat Melaka dengan menggunakan perahu. Ada sebahagian besar Orang Duano menjalankan aktiviti perniagaan, pertanian. Malaysia terdapat juga di kalangan mereka yang terlibat bidang-bidang profesional. Pada zaman lampau Orang Duano hidup secara *normadisme* iaitu berpindah dari sebuah tempat ke tempat dan tinggal kekal di sesebuah tempat. Lokasi pertematan mereka adalah kuala dan persisiran. Lokasi-lokasi tersebut bersifat lebih terbuka kepada masyarakat luar.

Fizikal Orang Duano mempunyai mirip orang Melayu. Demikian juga daripada segi bahasa dan warisan tradisi, adalah mirip ke kemelayuan. Ini kerana mereka berjiranan dengan orang Melayu sejak zaman

berzaman. Ini mendorong berlaku proses asimilasi. Di samping itu, perkahwinan campur dengan orang Melayu sering berlaku. Daripada segi bahasa, tidak dinafikan bahawa orang Melayu tidak memahami percakapan antara sesama Orang Duano. Walau bagaimanapun, satu penelitian yang teliti akan mendapati perbendaharaan kata Orang Duano sebahagian besarnya adalah perkataan Melayu dan perbezaan hanya dalam pengubahsuaihan fonetik (phonetic modifications). Antaranya adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu	Bahasa Orang Duano
Daging	Dagee(ng)
Kayu	Royu
Mata	Matu
Muncung	Monco(ng)
Pantai	Panti
Ribut	Ribut
Sungai	Sangu
Tulang	Tulong
Ua	Tuu
Ungut	Porot

Sumber: Daripada Kajian Lapangan

Orang Duano mempunyai tempat dalam sejarah penubuhan kerajaan Melayu. Seperti mana akan dijelaskan di bawah, mereka mempunyai sejarah lisan bahawa mereka ialah Orang Laut yang menjadi pihak penting dalam penubuhan kerajaan Melayu. Malah, sejarah lisan mereka menyatakan Orang Melayu dapat berada di sini (Semenanjung) kerana dibawa oleh nenek moyang mereka dan raja pertama, sebelum muncul kerajaan Melayu, adalah daripada suku-masyarakat mereka.

### Pertempatan Baru

Pada hari ini, pertempatan Orang Kuala di Malaysia adalah di Batu Pahat dan Pontian. Kedua-duanya di Negeri Johor. Di daerah Batu Pahat terdapat tiga buah pertempatan mereka iaitu di Kampung Minyak Beku, Kampung Sri Pantai Sanggaran dan Kampung Bumiputera Dalam. Di daerah Pontian pula pertempatan mereka adalah di Kampung Pontian Besar, Kampung Pontian Kecil dan Kampung Kuala Benut (meliputi

Kampung Baru Lapis Sayang, Kampung Seri Tanjung dan Kampung Nelayan).

Antara sebab kenapa mereka masih mendiami di daerah-daerah berkenaan adalah kerana faktor geografi dan sejarah. Seperti telah dijelaskan, daerah-daerah tersebut bertentangan dengan pertempatan Orang Laut di Pulau Sumatera. Oleh itu, dengan berada di situ mereka dapat meneruskan hubungan sejarah dan kekeluargaan dengan Orang Laut di Sumatera.

### Di Daerah Batu Pahat

Keseluruhan kampung Orang Kuala di daerah Batu Pahat telah mendapat kemudahan asas yang baik seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya bertar yang menghubungkan kampung ini dengan jalan utama. Begitu juga setiap kampung itu turut mempunyai kemudahan balai raya, bangunan tabika, sekolah agama, surau dan kedai. Keterangan tentang kampung-kampung Orang Laut di daerah Batu Pahat adalah seperti berikut:

### Kampung Minyak Beku

Jumlah penduduk Orang Kuala di Kampung Minyak Beku adalah seramai 726 orang dengan 120 buah keluarga (*Bancian Penduduk 2003*). Ramai di kalangan mereka berkerja sebagai nelayan dan kilang yang berhampiran dengan perkampungan itu. Dari segi pendidikan, terdapat di kalangan mereka yang telah mencapai tahap pelajar rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi awam. Komuniti Orang Kuala di kampung ini adalah beragama Islam sepenuhnya. Begitu juga komuniti Orang Kuala di Kampung Sri Senggarang mempunyai jumlah penduduk 565 orang dengan bilangan keluarga seramai 107 keluarga (*Bancian Penduduk 2003*). Komuniti di kampung ini bekerja sendiri dan nelayan tetapi ada yang bekerja di kilang sebagai mencari sumber rezeki. Komuniti ini juga telah mendapat pendidikan yang baik sehingga ada yang telah sampai ke peringkat universiti dan kolej. Komuniti Orang Kuala di kampung ini juga menganuti ajaran Islam sepenuhnya.

### Kampung Bumiputera Dalam

Penduduk Orang Kuala di Kampung Bumiputera Dalam adalah seramai 675 orang dengan 120 keluarga (*Bancian Penduduk 2008*). Kampung

ini merupakan kampung yang paling maju dan membangun berbanding dengan kampung-kampung Orang Kuala di Batu Pahat. Ramai kalangan mereka yang mencebur diri dalam bidang perniagaan barang terpakai. Selain itu, ada juga yang bekerja di kilang dan menjadi nelayan. Di samping itu, ada juga yang bekerja di sektor kerajaan dan mengusaha perniagaan pengangkutan. Penduduk kampung ini juga memperoleh pendidikan dari tahap sekolah rendah, menengah sehingga ke pusat pengajian tinggi awam. Majoriti penduduk komuniti Orang Kuala di Kampung Bumiputera Dalam adalah beragama Islam.

### Di Daerah Pontian

#### Kampung Pontian Besar

Kebanyakan Orang Laut di daerah Pontian tertumpu di Kampung Pontian Besar dengan jumlah penduduk berjumlah 767 orang dan bilangan keluarga sebanyak 120 keluarga (*Bancian Penduduk 2003*). Mereka umumnya berasal dari kampung Kuala Benut yang berhijrah ke kawasan baru disebabkan desakan hidup.

Ramai dalam kalangan mereka bekerja sebagai nelayan. Ada juga yang bekerja di sektor kilang, berniaga, kerajaan dan bekerja kampung. Ini merupakan petempatan Orang Kuala yang hampir dengan pantai. Namun begitu ada sebilangan penduduknya telah mengusahakan ternakan ikan sangkar di pesisir pantai.

Tahap pendidikan penduduk kampung ini ada yang telah berjaya sampai ke peringkat universiti dan kolej. Namun begitu, ramai penduduknya telah memperoleh tahap pendidikan peringkat rendah dan menengah. Majoriti penduduk Orang Kuala di Kampung Pontian Besar adalah beragama Islam.

#### Kampung Kuala Benut

Kampung Kuala Benut merupakan kampung asal bagi masyarakat Orang Kuala di Pontian. Pada hari ini petempatan mereka adalah secara terancang dan tersusun. Jumlah penduduk komuniti ini di kampung tersebut ialah 726 orang dengan jumlah keluarga sebanyak 85 keluarga (*Bancian Penduduk 2003*).

Ramai penduduk kampung ini yang bekerja di sektor kerajaan berbanding dengan penduk di kampung-kampung lain di daerah Pontian

dan juga di daerah Batu Pahat. Selain itu, penduduk kampung ini juga ada yang bekerja sebagai pekerja kilang, nelayan, bemiaga dan bekerja sendiri sebagai sumber rezeki.

Keunikan Kampung Kuala Benut adalah kerana ia terdiri daripada gabungan empat buah kampung iaitu Kampung Kuala Benut, Kampung Sri Tanjung, Kampung Nelayan dan Kampung Baru lapis Sayang. Ini adalah untuk memudahkan urusan pertadbiran kerana terdapat sebilangan kampung itu mempunyai bilangan rumah adalah sendikit. Kampung Kuala Benut merupakan kampung utama dan ramai jumlah penduduknya berbanding dengan tiga buah kampung yang lain.

Komuniti Orang Kuala di kampung ini telah memperoleh pendidikan sehingga ke peringkat universiti dan kolej di samping itu ada yang telah mendapat pendidikan di tahap peringkat rendah dan menengah. Begitu juga majoriti penduduknya adalah beragama Islam.

Komuniti Orang Kuala di daerah Pontian juga memperoleh kemudahan asas yang baik seperti mana yang diperoleh oleh Orang Kuala di Batu Pahat iaitu bekalan air, elektrik dan jalan raya bertar yang menghubungkan kampung dengan jalan utama. Komuniti ini turut menikmati kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui JHEOA seperti balai raya, surau, sekolah agama dan bangunan tabika.

### Asimilasi

Kesemua pertempatan Orang Laut di semua daerah di negeri Johor adalah berjinanan dengan kampung orang Melayu. Kedudukan kampung mereka adalah berselang-selang antara satu sama lain. Kampung-kampung berkenaan diberi kemudahan yang sama dengan kampung komuniti lain. Ini menyebabkan berlaku interaksi dan pergaulan mesra antara komuniti ini dengan masyarakat Melayu. Sebahagian daripada budaya bukan benda dan budaya benda komuniti ini hampir mempunyai persamaan dengan Orang Melayu akibat daripada pergaulan harian di antara mereka.

Di samping itu, mereka mempunyai sifat fizikal dan perwatakan yang hampir sarna dengan masyarakat Melayu seperti wajah, warna kulit, pakaian, adat, bahasa, bentuk fizikal dan kehidupan harian. Orang Kuala seperti Orang Melayu turut mempunyai tradisi lisan mereka yang tersendiri seperti pantun-pantun dan cerita rakyat. Mereka

Pada asalnya Orang Kuala mempunyai seni persesembahan mereka yang tersendiri. Namun begitu, seni persesembahan mereka telah berlaku

proses asimilasi dengan seni persembahan masyarakat Melayu. Amat bersifat kemungkinannya ini kerana tempat kediaman mereka berhampiran dengan kediaman Orang Melayu. Kedudukan ini menyebabkan berlakunya percampuran dalam aspek kesenian.

Interaksi itu juga menyebabkan berlakunya perubahan dalam budaya-benda. Cara berpakaian mereka adalah sarna dengan orang Melayu. Mereka juga berpakaian baju Melayu dan bersamping di luar bagi kaum lelaki. Manakala kaum wanita pula bertudung kepala dan berkain batik di samping berbaju kurung. Busana Melayu seperti batik telah dijadikan kostum tarian wanita Orang Laut. Kumpulan penari wanita Orang Laut juga memakai hiasan kepala seperti sanggul dan turut mengenakan penggunaan salendang yang sedondon dengan pakaian. Bagi cara berpakaian kumpulan pemuzik pula, mereka menggunakan baju melayu, bersamping di luar dan memakai songkok.

Orang Kuala mempunyai ciri-ciri warisan yang sama dengan orang Melayu. Ini termasuk adat istiadat, tradisi lisan, perubatan dan seni persembahan. Orang Kuala juga mempunyai kemahiran dalam bidang pertukangan kayu, kraftangan, makanan dan senjata. Walau bagaimanapun, komuniti Orang Laut mempunyai warisan mereka yang tersendiri. Salah satu aspek warisan mereka di pelbagai pertempatan di Johor adalah tarian dangkung.

### Tarian Dangkung

Tarian dangkung adalah adunan tarian asli Orang Laut dengan tarian Melayu yang mendapatkan pengaruh kesenian orang Portugis di Melaka. Peralatan asas persembahannya terdiri daripada biola, gendang dan gong. Tarian ini menceritakan keadaan mereka mengharungi kehidupan di laut. Lazimnya para penari persembahan ini terdiri daripada lapan orang penari wanita. Walau bagaimanapun, terdapat juga kumpulan persembahan yang mengadakan enam orang penari lelaki dan enam orang penari wanita.

Tarian ini mengayakan pergerakan tangan yang lemah gemalai dengan pergerakan kaki yang perlahan mengikut rentak tabuhan gendang dan alunan irama bunyian biola. Tarian ini merupakan suatu imbasan cara hidup Orang Laut mencari kehidupan di laut. Persembahan tarian ini diadakan dalam majlis perkahwinan dan keramaian. Penglibatan penari wanita dan lelaki itu bergantung kepada kemampuan tuan punya majlis yang menjemput mereka. Secara keseluruhannya, persembahan adalah seperti persembahan tarian joget Melayu. Para penonton boleh berjoget dengan para penari berkenaan dengan dikenakan sedikit bayaran.

Tarian ini berasal daripada tarian asli komuniti Orang Laut di Kepulauan Riau-Lingga. Seperti telah dinyatakan, Orang Kuala di Johor masih mempunyai hubungan kekeluargaan dengan masyarakat Orang Laut di Kepulauan Riau-Lingga. Pada masa lalu Orang Kuala sering berulang-alik antara Batu Pahat dan Pontian dengan Kepulauan Riau-Lingga. Mereka melawat saudara atau berurus dengan Orang Laut di sana. Biasanya mereka menetap buat seketika di sana. Ada juga yang menetap untuk beberapa tahun. Tarian dangkung telah dibawa balik oleh sebilangan komuniti Orang Kuala yang telah menetap beberapa tahun di sana.

Oleh itu, tarian tradisi di Kepulauan Riau-Lingga amat berkait rapat dengan cara kehidupan mereka dengan laut. Pada mulanya tarian ini dimainkan oleh ahli-ahli keluarga pihak pembawanya. Kemudian ia dipersembahkan dalam majlis perkahwinan Orang Kuala di kampung mereka saja. Seterusnya, persembahan ini mendapat sambutan yang baik dan telah mendapat tarikan daripada kalangan penduduk itu.

Percampuran dan pergaulan dengan penduduk tempatan telah melahirkan idea untuk memperkembangkan tradisi itu ke kawasan komuniti mereka di Johor. Ini memberi berlakunya proses asimilasi antara tradisi di Riau-Lingga dengan cara kehidupan komuniti Orang Kuala di Johor. Kemudian mereka memasukkan alat-alat muzik Barat iaitu kesenian orang Portugis di Melaka. Proses itu telah melahirkan tarian tersendiri.

Pada peringkat awal tarian ini hanya dimainkan di Kampung Kuala Benut kerana pada masa itu kampung tersebut merupakan pertempatan paling ramai penduduk Orang Kuala. Kemudian setelah apabila ia dipersembahan di majlis perkahwinan dan keramaian komuniti maka telah menimbulkan minat di kalangan anggota keluarga lain untuk mempelajarinya. Ini telah menyebarkan tarian tersebut dalam komuniti berkenaan.

Kemudian selepas berlaku perpindahan maka tarian ini turut tersebar ke tempat lain. Perkembangan arus semasa telah menyebabkan bentuk tarian ini turut berubah. Ini adalah kerana apabila, pihak kerajaan telah membina petempatan yang terancang dan tersusun di samping berjiran dengan masyarakat Melayu. Mereka telah menerima pengaruh budaya dan adat Melayu. Begitu juga, bentuk tarian ini telah berubah ke arah bentuk tarian joget Melayu. Namun, tarian ini masih dapat mengekalkan beberapa ciri asalnya. Ini jelas didapati semasa di petempatan baru itu, mereka masih meneruskan tradisi ini pada majlis-majlis perkahwinan dan keramaian komuniti mereka. Warisan ini berkembang pesat pada tahun-tahun 1960-an.

## Cara Persembahan

Persembahan tarian dangkung dimulakan dengan satu ritual perbukaan majlis. Ritual tersebut dijalankan oleh seseorang yang beryayi sambil menyambut dan mengucapkan selamat datang kepada tetamu yang hadir. Ia merupakan kata-kata aluan kepada hadirin sebelum persembahan tarian dijalankan. Nyanyian ini dikenali sebagai lagu tabik.

Lagu-lagu yang mereka nyanyikan adalah berkait dengan unsur semangat yang perlu dipujuk untuk ditenteramkan. Sebagaimana masyarakat tradisional lain, semangat laut perlu dipujuk dan dirayu untuk mengelakkan berlakunya bencana semasa persembahan itu dijalankan nanti. Mereka mempercayai para pemuzik, penari dan khalayak yang hadir tidak diganggu oleh makhluk tersebut.

Ensemبل muzik tarian ini adalah lebih berasaskan kepada gendang dan gong sahaja. Dua alat muzik ini memainkan peranan yang penting pada peringkat awal. Alat gendang menghasilkan timbre bunyi untuk membentuk pelbagai rentak kepada tarian itu. Ini adalah kerana tabuhan yang dihasilkan daripada gendang berfungsi mengawal dan menentukan pergerakan rentak dan perubahan pergerakan kaki semasa tarian ditarikan. Penghasilan rentak ini menghidupkan suasana dan memberi semangat kepada para penari untuk mempersembahan tarian yang menarik.

Gong berperanan sebagai penanda lagu atau irama yang perlu diulang-ulang atau berakhir persembahan tarian tersebut. Para penari mendengar isyarat yang dihasilkan daripada tabuhan gendang dan diikuti paluan gong semasa bermulanya pergerakan tarian. Biola pula menjadi muzik irungan asas kepada tarian ini. Ini mengakibatkan penggunaan alat biola amat penting kerana ia yang memulakan terlebih dahulu berbanding sebelum itu gendang yang mengetuai ensemبل muzik itu.

Pada hari ini, selain daripada biola dan gendang, dimasukkan pula tabla daripada muzik gazal Johor dan gitar. Alat tabla berperanan untuk merancakkan rentak gendang. Ini adalah kerana tabla ditabuh secara bertingkah-tingkah dengan tabuhan gendang. Bunyian gitar berperanan untuk merancakkan alunan muzik dan tarian. Ini telah memberi sedikit tarikan atau sambutan yang baik daripada masyarakat setempat mengenai persembahan tarian tersebut.

Pada tahun 1990-an warisan ini seakan-akan sudah mula pupus disebabkan berlakunya kematian di kalangan pemuziknya. Ini kerana tidak ada generasi muda untuk mempelajari muzik tarian dangkung malah tidak suka untuk memerdengarkan lagi. Di samping itu, tidak ada lagi pengganti terhadap para penari wanita yang sudah berumur. Ini adalah

kerana kesukaran untuk mencari pertambahan atau pengganti daripada para penari di kalangan wanita muda amat sukar kerana mereka merasa malu dan tidak mahu mempelajari tarian itu.

## Perubahan

Keadaan Orang Laut di Johor adalah berbeza daripada masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor. Orang Asli Mah Meri sentiasa mengadakan persembahan tarian topeng yang telah dijadikan identiti masyarakat itu. Sebaliknya, Orang Laut di Johor yang mendiami pertempatan terancang oleh pihak kerajaan menyebabkan mereka menjadi sukar memperkembangkan warisan nenek moyang mereka. Selain daripada cara hidup amnya, salah satu perubahan yang berlaku dalam komuniti Orang Laut ialah dalam seni persembahan tairan dangkung. Pada hari ini tidak ada usaha untuk mengekalkan dan memuliharakan tradisi itu. Menurut informan, pada hari ini amat sukar untuk mencari anak muda untuk bergiat dalam seni persembahan ini kerana sebahagian besar daripada mereka tidak pernah mendengar dan melihat tarian itu sendiri. Mereka lebih meminati persembahan yang lebih moden. Pada hari ini warisan Orang Kuala hanya diamalkan oleh kalangan generasi tua mereka. Hanya generasi ini yang bertindak sebagai penerus warisan. Oleh itu, warisan ini menjadi semakin pupus di kalangan komuniti mereka sendiri.

Scenario yang sama berlaku pada budaya bukan-benda dan budaya benda lain dalam komuniti Orang Laut. Pada masa lalu aspek-aspek budaya berpindah dari satu generasi ke satu generasi tanpa ada sebarang perubahan. Walau bagaimanapun, arus pemodenan yang turut melanda komuniti Orang Kuala telah menghakis, memusnahkan dan merosakkan kedua-dua bentuk budaya tersebut. Kini masyarakat Orang Kuala terutamanya generasi kini sudah tidak mengetahui kebudayaan mereka. Malah, mereka tidak lagi mengetahui kegagahan dan keberanian nenek moyang Orang Laut generasi terdahulu yang membela lautan dan berperang menentang musuh.

Penghakis warisan Orang Laut itu berlaku kerana berlakunya perkahwinan campur antara mereka dengan orang luar. Ini telah menghalang untuk mereka meneruskan warisan mereka sama ada kerana jahil tentang hal tersebut ataupun menjadi malu untuk mengakuinya sebagai warisan mereka.

Perkahwinan campur itu telah mewujudkan satu bentuk budaya baru dalam komuniti ini. Budaya tersebut adalah dalam bentuk campuran

pelbagai warisan. Ini menyebabkan anak-anak yang lahir daripada perkahwinan campur itu mengalami krisis identiti mereka.

## Kesimpulan

Masih banyak perkara yang masih perlu diselongkar di sebalik tabir kehidupan Orang Kuala di Johor. Namun dapat disimpulkan bahawa Orang Kuala di Malaysia adalah suku-masyarakat Orang Duano. Mereka adalah sebahagian daripada Orang Laut. Mereka mempunyai jati diri berdasarkan kehidupan di laut, pesisir pantai dan kuala sungai. Walau bagaimanapun, unsur-unsur yang membezakan mereka daripada suku-masyarakat Orang Laut ialah penganutan agama Islam, bahasa dan seni-budaya bercirikan kemelayuan. Mereka mendiami merata pulau dan persisir pantai di sekitar Selat Melaka. Mereka mempunyai perwatakan yang berani, kuat, ganas dan hebat. Sehubungan itu, mereka terkenal sebagai bangsa yang taat setia terhadap raja dan pembesar Melayu. Mereka menjadi pengawal atau anggota tentera raja-raja Melayu. Mereka sentiasa patuh pada setiap perintah. Di samping itu, mereka menjadi mata dan telinga raja Melayu. Mereka membuat rondaan dan mengawal laluan Selat Melaka. Mereka juga bertindak sebagai pengutus utusan raja. Dalam sejarah, mereka menjadi menentukan kedudukan status-quo seseorang raja Melayu. Salah satu warisan mereka yang penting ialah tarian dangkung. Penyelidikan ini mendapati seni persembahan ini mempunyai nilai estetik yang tinggi dan berpontensi untuk dikembangkan sebagai produk pelancongan. Ini sekali gus dapat menjadi wahana bagi mengekalkan identiti mereka. Pada hari ini warisan mereka semakin terpinggir. Tidak ada pihak yang mahu memikul tanggungjawab untuk mengekal dan memuliharakan warisan mereka. Generasi muda mereka sendiri sudah tidak lagi memandang warisan mereka sebagai suatu yang penting. Percampuran dan pergaulan dengan dunia luar telah menyebabkan warisan itu dipandang sepi dan tidak bermaya.

## Senarai Informan

- 1) Nama: Tok Latif Jidin  
 Umur: 88 tahun  
 Kedudukan Dalam Masyarakat Duano: Ketua Kampung (masyarakat Orang Kuala)  
 Tempat Bermestautin: Kampung Kuala Benut, Benut, Pontian.  
 Tarikh Temubual: 13/3/2008

- 2) Nama: Ideris Bongsu  
 Umur: 49 tahun  
 Kedudukan Dalam Masyarakat Duano: Wakil Ketua Kampung (masyarakat Orang Kuala)  
 Tempat Bermestautin: Kampung Bumiputra Dalam, Senggaran, Rengit, Batu Pahat  
 Tarikh Temubual: 11/3/2008
- 3) Nama: Osman Ali  
 Umur: 58 tahun  
 Kedudukan Dalam Masyarakat Duano: Ketua Kampung (masyarakat Orang Kuala)  
 Tempat Bermestautin: Kampung Pontian Besar, Pontian  
 Tarikh Temubual: 15/3/2008

## Rujukan

- Akta 134. Akta Orang Asli 1954* (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Andaya, Leonard. 1974 The structure of power in seventeenth century Johor. Dalam Anthony Reid and Lance Castles (eds). Pre-colonial state systems in Southeast Asia: the Malay Peninsula, Sumatra, Bali-Lombok, South Celebes. Kuala Lumpur: Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, No. 6.
- Andaya, Leonard. 1975 The kingdom of Johor, 1641-1728. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bancian Penduduk 1972*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Bancian Penduduk 2003*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Bancian Penduduk 2008*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Barnouw, Adriaan J. 1946. Cross Currents of Culture in Indonesia. Dalam *The Far Eastern Quarterly*, 5 (2).
- Benjamin, Geoffrey. 2004. Aslian Languages. Dalam Asmah Haji Omar (ed). Languages and Literature. *The Encyclopedia of Malaysia*, Vol. 9. Singapore: Archipelago Press.
- Chou, Cynthia and Houben, Vincent. ed. 1997. Orang Suku Laut Identity. Dalam M. Hitchcock & V. King. ed. *Images of Malay-Indonesian Identity*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Collings. H. D. 1949. Aboriginal notes. XVI. A Desin Dolaq word list. Dalam *Bulletin of the Raffles Museum*. Singapore, Series B, 4.
- Cortesao, Armando (ed.). 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires: an account of the East, from the Red Sea to China, written in Malacca and India in 1512-1515 ; and, The book of Francisco Rodrigues: Pilot-Major of the armada that discovered Banda and the Moluccas : rutter of a voyage in the Red Sea, nautical rules, almanack and maps, written and drawn in the East before 1515*. Hakluyt Society. Glasgow: University Press.

- Engelhardt, Richard. 1977. Notes on the southern voyages and settlements of the Sama-Bajau. Dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*. 133.
- Gibson-Hill, C.A. 1952a. Further Notes on the Old Boat found at Pontian, in Southern Pahang. Dalam *JMBRAS* 25.1.
- Gibson-Hill, C.A. 1952b. The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang. Dalam *JMBRAS*, Vol. 25 No.1.
- Gusni Saat. 2004. Peribumi Teluk Sapaggar. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanapi Dollah. 2003. Kampung Orang Laut Rengit. Dalam Dewan Budaya. 25:9, hlm 31-34, September.
- [http://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Kuala](http://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Kuala) (merupakan laman ensiklopedia secara intraktif).
- [http://www.ethnologue.com/show\\_country.asp?name=MYP](http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=MYP)
- <http://www.joshuaproject.net/>
- <http://www.asiaharvest.org/pages/profiles/nonChina/Malaysia/Orang%20Kuala.pdf>
- <http://www.keene.edu/library/OrangAsli/pelras.pdf>
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli <http://www.jheoa.gov.my>; <http://www.johordt.gov.my>; <http://www.jheoa.gov.my/perak> (Diakses pada 22 Disember 2008).
- Mohd Tap bin Salleh (Secretary General, Ministry of Rural and Regional Development, Malaysia). 2005. The Development of the Orang Asli Community in Peninsular Malaysia: The Way Forward. Dibentangkan Dalam *The International Conference on The Indigenous People*.
- Muhammad Yusuff Hashim. 1992. *The Malay Sultanate of Malacca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelras, Christian. 2002. A Few Jottings on Some Aquatic Populations of the Nusantara Archipelago (partial translation by S. Pernia and T. Durrell-Khalife, 2001, with additions by C. Pelras, 2002). Originally published in French as “Notes Sur Quelques Populations Aquatiques de l’Archipel Nusantarien” Archipel (Paris) 3: 133-168, 1972. The KSC Orang Asli Archive holds the North American serial rights to this 2002 English translation.
- Sandbukt, Oyvind. 1984. The sea nomads of Southeast Asia: new perspectives on ancient traditions. Annual Newsletter of the Scandinavian Institute of Asian Studies 17.
- Shaziani Mohamad Sidek. 2005/2006. *Fonologi Bahasa Orang Asli Suku Duano Di Rengit Batu Pahat, Johor*. Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Sesi. Tidak diterbitkan.
- Sopher, D. E. 1977. *The sea nomads: a study of the maritime boat people of Southeast Asia*. Singapore: National Museum Publication.
- Wolters, O.W. 1967 Early Indonesian commerce: a study of the origins of Srivijaya. Ithaca: Cornell University Press.
- Wolters, O.W. 1979. Studying Srivijaya. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society 52(2):1-32.